

MAJLIS KONVOKESYEN KE-16 UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



Majlis
Konvokesyen
ke-
16

Libat Urus
Tun Canselor UTeM

Pelaksanaan
Pemantauan I SPK MS ISO 9001:2015
Pejabat Pendaftar

Kemudahan Rawatan
Pergigian Bagi Staf
Kumpulan Pelaksana

Laporan Pusat
Pemberian Vaksin UTeM

Kandungan

Konvokesyen Kali
Ke-16 Universiti
Teknikal Malaysia
Melaka (UTeM)

Libat Urus Tuan Yang
Terutama (TYT) Tun
Seri Setia (Dr.) Hj.
Mohd Ali bin Mohd
Rustam. Merangkap
Tun Canselor UTeM
bersama Warga
UTeM

Pelaksanaan
Peperiksaan Akhir
Dalam Talian
Semester II - 2020
/2021. Norma
Baharu Pasca Covid
- 19

Pelaksanaan
A u d i t
Pemantauan 1
S i s t e m
Pengurusan
Kualiti (SPK) MS
ISO 9001:2015
Pejabat Pendaftar

Laporan Pusat
Pemberian Vaksin
(PPV) Universiti
Teknikal Malaysia
Melaka (UTeM)

P e m p r o f i l a n
P e m b a n g u n a n
Kamus Kompetensi
Fungsian Bagi Gred
41 & 44 Kumpulan
Pengurusan &
P r o f e s i o n a l .
MyTALENT UTeM

Transformasi
Pengurusan Bakat
Berdasarkan
k o m p e t e n s i
Melalui MyTALENT

Garis Panduan
Permohonan
Keluar Pejabat

Kemudahan
Rawatan
Pergajian Bagi
Staf Kumpulan
Pelaksana

Kemudahan
Rawatan
Hemodialisis

Perjalanan
PhD Tok Ummy
Bercucu Dua

Perkongsian
Kejayaan PhD

Laporan Kursus
Unit Latihan &
Penajaan.
Bahagian
Pembangunan
Bakat, Pejabat
Pendaftar

Enam Hak
Seorang
Muslim Ke Atas
Muslim Yang
Lain

Sidang Redaksi

PENAUNG

Masdzarif bin Mahat

KETUA EDITOR

Siti Norani binti Dolah

EDITOR

Zulaikha binti Md Radzai

PEMBACA PRUF

Elfa Laily binti Mohd Tahir @ Mohd Ramli

SIDANG REDAKSI

Ani binti Jaffri

Nurayuni binti Mahabib

Anuarrudin bin Md Soom

Sharifah Intan binti Osman

Mohd Suhairi bin Mohd Saad

Siti Nur Baizura binti Ahmad Buang

PENULIS

Azrina binti Alwi

Hazrin binti Kasim

Khusairi bin Ramli

Dr. Iskandar bin Waini

Siti Salwah binti Ahmad

Raimi Humaira binti Rabu

Nooraziana binti Dahalan

Zainuddin bin Abdul Hamid

Hamizah binti Abdul Hamid

Datin Dr. Fadzilah binti Salim

Mohd Suhairi bin Mohd Saad

Mohamad Razali bin Adduman

Muhammad Afiq bin Aziz @ Abdul Aziz

REKA BENTUK

Ratnasaerah binti Azis

Sekapur Sireh

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera

Segala puji ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurniaNya dapat lagi saya coretkan sedikit bicara dalam penerbitan Buletin TERAS edisi kali kedua tahun 2021. Tahniah saya ucapkan kepada warga sidang redaksi Buletin TERAS kerana berjaya meneruskan usaha dan semangat bagi menjayakan keluaran edisi kedua tahun ini.

Seperti sedia maklum, tahun 2020 sehingga kini melakar sejarah di mana situasi pandemik COVID-19 melanda hingga ke seluruh dunia. Walaubagaimanapun, ia telah mendorong warga Pejabat Pendaftar untuk lebih berinovasi menghadapi cabaran pandemik global ini dengan lebih tenang dan matang untuk terus maju ke hadapan. Pandemik COVID-19 tidak menjadi penghalang bagi warga Pejabat Pendaftar untuk terus menambahbaik dan meningkatkan tahap kompetensi khususnya berhubung keperluan norma baharu.

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi tahniah kepada semua warga kerja Pejabat Pendaftar atas kegigihan dan komitmen yang cemerlang. Saya yakin dengan komitmen serta kerjasama erat di antara satu sama lain terhadap setiap program merupakan satu kunci kejayaan. Diharapkan usaha sebegini dapat diteruskan. Pejabat Pendaftar perlu menjadi gerbang maklumat kepada semua pihak yang ingin mengetahui tentang UTeM umumnya dan khususnya dengan Pejabat Pendaftar.

Akhir kata, saya berharap agar semua warga Pejabat Pendaftar terus menerus mematuhi segala Standard Operating Procedure (SOP) yang telah menjadi norma baharu dalam kehidupan kita dan bersama-sama kita menangani wabak COVID-19 ini.

Terima kasih.

Masdzarif bin Mahat
Ketua Pegawai Operasi

Editorial

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan rahmatNya Buletin TERAS Edisi Ke-30/Disember 2021 berjaya dihasilkan. Buletin yang menyajikan pelbagai perkongsian aktiviti Pejabat Pendaftar ini diharapkan dapat menjadi santapan minda semua pembacanya.

Buletin ini merupakan satu medium untuk semua staf Pejabat Pendaftar menyalurkan pelbagai bentuk idea penulisan khususnya tentang pelaksanaan program/aktiviti yang memberikan maklumat berkaitan pentadbiran dan perkhidmatan terkini bagi santapan dan perkongsian ilmu kepada semua warga UTeM. Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada sidang redaksi atas kegigihan dan komitmen yang diberikan dalam usaha menerbitkan Buletin TERAS.

Buletin TERAS kali ini memaparkan program/aktiviti seperti Sesi Libat Urus Tuan Yang Terutama (TYT) Tun Seri Setia (Dr.) Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam, Pelaksanaan Audit Dalaman MS ISO 9001:2015 Pejabat Pendaftar, Pemprofilan Pembangunan Kamus Kompetensi Fungsian Bagi Gred 41 & 44 Kumpulan Pengurusan & Profesional, Transformasi Pengurusan Bakat Berdasarkan Kompetensi Melalui *MyTalent*, Kemudahan Rawatan Hemodialisis dan Kemudahan Rawatan Pergigian Bagi Kumpulan Pelaksana dan yang terakhir ialah Majlis Konvokesyen Ke-16 UTeM.

Akhir kata, Pejabat Pendaftar akan terus komited dalam memberikan perkhidmatan yang cemerlang dan seterusnya meningkatkan kualiti perkhidmatan dan pentadbiran di UTeM.

Siti Norani binti Dolah
Ketua Editor
Buletin TERAS Pejabat Pendaftar

Majlis KONVOKESYEN KALI KE-16

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Disediakan oleh: Siti Salwah binti Ahmad



Majlis Konvokesyen ke-16 UTeM telah berlangsung pada 9 - 12 Disember 2021 selama 4 hari dengan 8 sesi penganugerahan. Majlis yang penuh istiadat ini telah dirasmikan oleh Canselor UTeM, Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam.

Majlis ini turut dihadiri oleh Pro-Canselor Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Halim bin Saad dan Yang Berbahagia Datuk Dr. Sabirin bin Ja'afar. Majlis ini turut disertai oleh Ahli Lembaga Pengarah Universiti, Ahli Senat dan Pengurusan Tertinggi Universiti.

Majlis ini juga merupakan Majlis Konvokesyen pertama selepas Pandemik Covid - 19 dan telah diadakan secara bersemuka dan mematuhi SOP yang telah ditetapkan.



BERIKUT ADALAH SENARAI GRADUAN MAJLIS KONVOKESYEN KE-16 UTeM

FAKULTI	Ijazah Doktor Falsafah	Ijazah Doktor Kejuruteraan	Ijazah Sarjana	Ijazah Sarjana Muda	Diploma	Jumlah
FKE	1	0	18	254	107	380
FKEKK	5	0	25	143	90	263
FKM	2	0	29	244	107	382
FKP	4	2	44	176	79	305
FTMK	4	0	32	403	129	568
FPTT	4	0	40	340	0	384
FTKEE	0	0	0	369	0	369
FTKMP	0	0	0	325	0	325
IPTK	1	0	2	0	0	3
JUMLAH	21	2	190	2254	512	2979

BILANGAN PENERIMA HADIAH AKADEMIK MAJLIS KONVOKESYEN KE-16 UTeM

HADIAH AKADEMIK	BILANGAN
Anugerah Pelajaran Diraja	2
Hadiah Canselor Pascasiswazah	1
Hadiah Canselor Prasiswazah	2
Hadiah Naib Canselor Pascasiswazah	2
Hadiah Naib Canselor Prasiswazah	30
Hadiah Naib Canselor (Keusahawanan) Prasiswazah	1
Hadiah Tesis Terbaik Pascasiswazah	1
Hadiah Industri	8
Anugerah Kecemerlangan Infineon / Infineon Excellence Award	1
Anugerah Industri Infineon / Infineon Industry Award	1
Anugerah Kecemerlangan XINYI / XINYI Excellence Award	1
Anugerah Industri XINYI / XINYI Industry Award	1
Anugerah Industri Samsung SDIEM	1
Anugerah Industri CTRM / CTRM Industry Award	1
Anugerah Industri STMicroelectronics / STMicroelectronics Industry Award	1

SESI PENGAMBILAN JUBAH

Proses pengambilan jubah telah dilaksanakan secara *drive thru* di Dewan Canselor pada 2 hingga 5 Disember 2021.

	Sesi	Masa	Fakulti
2/12/2021 (Khamis)	Pagi	8.30 pagi - 12.30 t/hari	FPTT
	Petang	2.30 petang - 5.00 petang	FKM
3/12/2021 (Jumaat)	Pagi	8.30 pagi - 12.15 t/hari	FKP / IPTK
	Petang	2.45 petang - 5.00 petang	FKEKK
4/12/2021 (Sabtu)	Pagi	8.30 pagi - 12.30 t/hari	FTMK
	Petang	2.30 petang - 5.00 petang	FTKMP
5/12/2021 (Ahad)	Pagi	8.30 pagi - 12.30 t/hari	FKE
	Petang	2.30 petang - 5.00 petang	FTKEE





Libat Urus

**TUAN YANG TERUTAMA (TYT)
TUN SERI SETIA (DR.) HJ.
MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM**

**Merangkap Tun Canselor Universiti Teknikal
Malaysia Melaka (UTeM) Bersama Warga UTeM**



Disediakan oleh: Muhamad Razali bin Adduman

Ketibaan Tun Canselor turut disambut bersama oleh YBhg. Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Halim Saad, Pro Canselor, UTeM, YB. Dato' Ts. Kamel bin Mohamad, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, YB. Datuk Noor Effendi bin Ahmad, Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknikal dan Vokasional, Sains dan Teknologi Melaka serta pihak UTeM yang disertai oleh Academician Tan Sri Ahmad Tajuddin Ali, FASc. Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, YBhg. Profesor Ir. Dr. Ghazali bin Omar, yang dilantik menjalankan fungsi sebagai Naib Canselor, YBrs. Encik Masdzarif bin Mahat, Ketua Pegawai Operasi, YBrs. Encik Khairul bin Taib, Bendahari, YBhg. Datuk Azhar bin Mohamed, Penasihat Undang-Undang dan pihak Pengurusan Kanan Universiti yang lain.

*P*ada 28 September 2021, pihak Universiti berbesar hati telah menerima kunjungan rasmi oleh Tuan Yang Terutama (TYT) Tun Seri Setia (Dr.) Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam merangkap Canselor, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Lawatan tersebut telah diadakan di Kampus Teknologi, UTeM yang terletak di Ayer Keroh, Melaka.



Majlis dimulakan dengan sesi taklimat ringkas oleh YBhg. Profesor Ir. Dr. Ghazali bin Omar berkaitan perkembangan semasa penyelidikan di UTeM. Fokus taklimat adalah kepada bidang tujahan Universiti iaitu *Advanced Manufacturing and Computing Technology* dalam bidang *Green Technology, System Engineering, Emerging Technology and Human Technology Interaction*.

Sepanjang tempoh ini, jumlah geran yang diperolehi oleh Universiti bernilai RM14.6 juta dengan 226 projek penyelidikan meliputi Geran Antarabangsa RM1.2 juta (10 projek), Geran Kebangsaan RM6.6 juta (82 projek), Geran Industri RM3.8 juta (25 projek) dan Geran UTeM RM3 juta (109 projek). Selain itu, Universiti melalui anak syarikatnya iaitu UTeM Holdings Sdn. Bhd. (UHSB) dengan kerjasama beberapa kumpulan penyelidik telah mengkomersialkan hasil penyelidikan melalui tiga syarikat *spin-off* yang ditubuhkan bagi menjana sumber kewangan kepada pihak Universiti.

Semoga dengan adanya sesi libat urus seperti ini akan dapat menyemarakkan lagi semangat para penyelidik UTeM untuk lebih giat lagi membuat penyelidikan.

Pelaksanaan PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN SEMESTER II-2020/2021

#Norma Baharu Pasca Covid - 19

Disediakan oleh: Mohd Suhairi bin Mohd Saad



Peperiksaan Akhir Secara Dalam Talian Semester II Sesi 2020/2021 telah dilaksanakan pada 5 Julai 2021 hingga 18 Julai 2021 sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Kalendar Akademik Sesi 2020/2021.

Berbanding pelaksanaan sebelum ini, pada kali ini Pusat Gerakan Peperiksaan Akhir yang beroperasi di Makmal Komputer Fasa B, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan hanya menempatkan petugas peperiksaan dari BPA, PSTP dan PPPK manakala Pengawas Peperiksaan membuat pengawasan dari kediaman masing-masing. Bagi tujuan pelarasan, Pusat Peperiksaan diwujudkan secara dalam talian melalui aplikasi Webex. Melalui aplikasi Webex ini pengawas dan petugas boleh berhubung untuk memastikan peperiksaan akhir berjalan lancar. Kaedah yang digunakan ini merupakan antara yang paling berkesan dalam mengendalikan Peperiksaan Akhir secara Dalam Talian di dalam situasi Pandemik Covid-19 ini. Untuk makluman, proses kerja keseluruhan Peperiksaan Akhir Secara Dalam Talian ini telah didaftarkan ke *Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO)* dan UTeM telah pun mendapat hakcipta.



Sepanjang 2 minggu pelaksanaan pengendalian peperiksaan, ianya telah melibatkan sebanyak 351 kursus. Secara keseluruhannya sebanyak 99.6% pelajar telah berjaya hadir dalam talian untuk menduduki peperiksaan. Bakinya 0.40% tidak dapat hadir kerana masalah kesihatan dan lain-lain.



Statistik yang ditunjukkan ini menggambarkan kejayaan pelaksanaan Peperiksaan Akhir Dalam Talian di UTeM. Alhamdulillah kejayaan ini terakam dengan usahasama dan gembeleng tenaga semua pihak terutamanya Pusat Sumber & Teknologi Pengajaran (PSTP) yang menyediakan platform peperiksaan akhir dalam talian yang dikenali sebagai Examportal, Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi (PPPK) yang menyediakan data pelajar, begitu juga sumbang saran dan idea dari kalangan pensyarah telah memantapkan platform ini dan menjayakan pelaksanaan Peperiksaan Akhir secara dalam talian pada Semester II-2020/2021.

Pelaksanaan **AUDIT PEMANTAUAN 1 SISTEM PENGURUSAN KUALITI (SPK) MS ISO 9001:2015 PEJABAT PENDAFTAR**

BAGI TAHUN 2021 (25-26 NOVEMBER 2021)

Disediakan oleh: Muhammad Afiq bin Aziz @ Abdul Aziz





*P*ada 25 dan 26 November 2021 Audit Pemantauan 1 Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO 9001:2015 Pejabat Pendaftar bagi tahun 2021 telah diadakan dengan jayanya. Audit tersebut dijalankan melalui kaedah secara dalam talian bersama badan pensijilan daripada SIRIM QAS International Sdn Bhd.

Puan Elly Nadia bt Che Afzar selaku Ketua Juruaudit yang dibantu oleh Puan Rajalekshmi Rama Chandran, Juruaudit telah melaksanakan audit tersebut dengan penglibatan secara langsung sejumlah 19 orang staf di Pejabat Pendaftar.

Tujuan audit dijalankan bagi memastikan pelaksanaan SPK di Pejabat Pendaftar adalah selari dengan keperluan piawaian MS ISO 9001:2015. Secara keseluruhannya audit berjalan dengan lancar selama 2 hari, melibatkan 3 bahagian utama yang terdapat di Pejabat Pendaftar iaitu:

- 1 Bahagian Pembangunan Bakat
- 2 Bahagian Governan & Pengurusan Organisasi
- 3 Bahagian Pengurusan Akademik






Tiada Laporan Ketakakuran (NCR) dan tiada Peluang Penambahbaikan (OFI) dilaporkan bagi audit yang telah dijalankan. Syabas dan tahniah diucapkan kepada seluruh warga Pejabat Pendaftar yang telah memberi sokongan dan mematuhi segala piawaian yang telah ditetapkan.

Hasil keputusan audit telah dibentangkan pada Mesyuarat Penutup Audit yang telah dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Operasi En. Masdzarif bin Mahat pada 26 November 2021 jam 3.30 petang secara dalam talian. Secara amnya keputusan audit dari pihak SIRIM mendapati kefahaman serta pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti di Pejabat Pendaftar adalah baik dan memuaskan.

Akhir kata, semoga dengan keputusan Audit Pemantauan I ini dapat menambahbaik dan meningkatkan kualiti dan produktiviti dalam pengurusan sumber manusia dan perkhidmatan di Pejabat Pendaftar secara berterusan.



Laporan PUSAT PEMBERIAN VAKSIN (PPV)

Universiti Teknikal Malaysia
Melaka (UTeM)



Disediakan oleh: Azrina binti Alwi

Taklimat mengenai pewujudan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) COVID-19 di Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang dianjurkan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) pada 3 Jun 2021 telah mencadangkan UTeM sebagai PPV awam jenis 1 dengan keupayaan 200 orang sehari.

Namun demikian, Mesyuarat Penyelarasan PPV di Universiti Awam bersama KPT pada 18 Jun 2021 telah merumuskan supaya UTeM menyokong usaha Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Melaka yang telah mencadangkan di dalam Mesyuarat Pembukaan PPV Universiti Negeri Melaka pada 17 Jun 2021 supaya UTeM menjadi PPV dengan keupayaan bermula dari 300 orang sehari di mana keutamaan vaksin diberikan kepada warga UTeM dan warga kolej swasta berhampiran seperti MiCOST dan Kolej Yayasan Melaka bagi tempoh minimum dua (2) bulan dijangka bermula pada 1 Ogos 2021.



Rentetan daripada itu, satu lawatan ke PPV di Universiti Multimedia di Bukit Beruang, Melaka pula telah diadakan pada 29 Jun 2021 dihadiri Pengerusi, Setiausaha dan Ketua-Ketua Jawatankuasa.

Struktur Induk Dan Keahlian Task Force

Lanjutan daripada cadangan untuk mewujudkan PPV UTeM, Jawatankuasa Krisis Universiti telah mengambil langkah pro aktif dengan menubuhkan *task force* untuk menggerakkan usaha tersebut. Berikut adalah struktur Induk *Task Force* PPV UTeM

Pengerusi

Ir. Dr. Mohd Rayme Bin Anang Masuri
(Pengarah, Pejabat Pengurusan
Pembangunan)

Setiausaha

Cik Aidayanti Binti Ahmad
(Arkitek Kanan, Pejabat Pengurusan
Pembangunan)

Floor Manager

En. Mohd Nizam Bin Mazlan
(Penolong Pendaftar Kanan, Pejabat
Pendaftar)

Pasukan Perubatan

Dr. Mohamad Fuzi Bin Saidin
(Pengarah, Pusat Kesihatan UTeM)

Teknikal Logistik

En. Ainuddin Bin Abu Kasim,
(Pengarah, Pejabat Pengurusan Fasiliti)



OSH

EPM Ts. Juhari Bin Ab. Razak
(Pengarah, Pejabat Keselamatan
Pekerjaan dan Kelestarian Alam Sekitar)

Sekuriti Trafik

Kapten (B) Ahmad Shakir Bin Yahaya,
(Pengarah, Pejabat Keselamatan)

Kewangan Perolehan

Pn. Sabarina Binti Abdullah
(Timbalan Bendahari Kanan, Bendahari)

Sukarelawan

Ustz. Azly Hisham Bin Haron
(Penolong Pendaftar Kanan, Pejabat Hal
Ehwal Pelajar)

IT Komunikasi

En. Zainudin Bin Salleh
(Timbalan Pengarah Infrastruktur, Pusat
Perkhidmatan Pengetahuan dan
Komunikasi)

Nota:

Pengurus PPV akan dinamakan oleh
pihak JKN Melaka

Secara keseluruhan seramai 62 staf UTeM terlibat dengan pecahan mengikut kumpulan perkhidmatan seperti berikut:



Pendaftaran (4 orang)

Tugas:

- 1 Membuat saringan suhu dan gejala.
- 2 Pendaftaran penerima vaksin pada hari tersebut.
- 3 Pengedaran borang kebenaran menerima vaksin.
- 4 Memastikan penerima vaksin telah kemaskini data mereka di MySejahtera.

Pemudah Cara (4 orang)

Tugas:





- 1 Memastikan penerima vaksin sentiasa mematuhi proses di PPV.
- 2 Mendapatkan kemudahan yang sewajarnya kepada penerima vaksin (*wheelchair*).
- 3 Memastikan penerima vaksin sentiasa membawa dokumen yang telah diberikan.
- 4 Membantu penerima vaksin apabila diperlukan sepanjang mereka di PPV.
- 5 Sentiasa memaklumkan kepada penyelia dari semasa ke semasa berkaitan perkara yang diluar jangka berlaku.
- 6 Memastikan SOP COVID-19 dipatuhi.

Runner (4 orang)

Tugas:

- 1 Membantu memastikan kelengkapan bukan klinikal di PPV dalam keadaan baik dan sedia untuk digunakan.
- 2 Memberikan bantuan kepada Petugas di PPV jika diperlukan.



SKIM 1
2/8/2021SKIM 5 (PUSATKAWAN)
3/8/2021SKIM 2
6/8/2021SKIM 5 (PEGAWAI BELIA &
SUKANI)
5/8/2021

Pemprofilan PEMBANGUNAN KAMUS KOMPETENSI FUNGSIAN BAGI GRED 41 & 44 KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL

MyTALENTUTeM

Disediakan oleh: Hamizah binti Abdul Hamid



Pengurusan Bakat Berdasarkan Kompetensi dimaksudkan sebagai satu pendekatan untuk menguruskan bakat atau staf merujuk kepada kecekapan yang diperlukan bagi kecemerlangan organisasi dan selaras dengan itu, terdapat keperluan untuk menyediakan rangka kerja untuk memastikan penilaian prestasi, pembangunan, latihan, penganugerahan dan laluan kerjaya staf diuruskan mengikut kecekapan atau kompetensi yang diperlukan.

Agenda Pengurusan Bakat Berdasarkan Kompetensi UTeM akan dibangun dan dilaksanakan seperti yang digariskan dalam salah satu daripada *Strategic Goal 4, Competent and Robust Talent*, Matlamat Strategik UTeM 2021-2025.

Setiap staf akan dikenal pasti kompetensi umum dan khusus merujuk kepada *Job Description (JD)* setiap skim dan gred staf. Kompetensi khusus dan umum yang telah ditetapkan akan diukur bersama dengan nilai teras Universiti yang akan diterapkan dengan elemen kompetensi yang mana pada tahun ini, tumpuan diberikan dalam pembangunan kompetensi 20 skim di Gred 41 dan 44, Kumpulan Pengurusan & Profesional.

Bagi memastikan setiap kompetensi skim dapat diperincikan, beberapa bengkel kompetensi fungsian secara *focus group* mengikut skim telah dilaksanakan bersama wakil skim dengan beberapa pakar dari kalangan akademik dan pentadbir yang dipandu oleh Prof. Ts. Dr. Faaizah binti Shahbodin, Prof. Ir. Dr. Marizan bin Sulaiman, En. Mohd Azmi bin Mat Said, Ketua Bahagian Pembangunan Bakat dan En. Muhamad Tasyrif Ghazali, Universiti Malaysia Pahang (UMP) dalam memastikan keseluruhan skim yang diprofilkan adalah kompetensi yang tepat dan diperlukan dalam deskripsi tugas.

Bagi tujuan tersebut, pelaksanaan Bengkel Pemprofilan Kompetensi Fungsian yang memfokuskan kepada pembangunan Kamus Kompetensi bagi Gred 41 & 44, Kumpulan Pengurusan dan Profesional, *My Talent* telah diadakan merangkumi beberapa perkara seperti berikut:-

- 1 **Merangka dan membangunkan 76 Kamus Kompetensi fungsian**
- 2 **Penetapan Required Competency Level (RCL)**
- 3 **Pembentangan melalui kaedah *challenge session* yang akan dilaksanakan oleh Panel yang dilantik**

Unit Kompetensi, Bahagian Pembangunan Bakat telah mendapat kerjasama yang baik daripada 20 skim terlibat yang telah selesai membuat pembentangan melalui 15 bengkel yang diadakan secara dalam talian.



Semua pembentangan dilaksanakan dipimpin oleh panel yang dilantik iaitu Prof. Ts. Dr. Faaizah binti Shahbodin, Prof. Ir. Dr. Marizan bin Sulaiman, En. Mohd Azmi bin Mat Said dan En. Muhamad Tasyrif Ghazali, Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Senarai kamus kompetensi yang telah dibangunkan akan dibentangkan dalam Jawatankuasa Pemandu *MyTalent* UTeM untuk peringkat validasi seterusnya.

Transformasi PENGURUSAN BAKAT BERDASARKAN KOMPETENSI MELALUI *MyTALENT*

Disediakan oleh: Hazrin binti Kasim



Pembangunan dan pengurusan bakat berdasarkan kompetensi bukan sesuatu yang baru dipraktikkan dalam sektor awam. Inisiatif untuk menjadikan kompetensi sebagai teras dalam pengurusan sumber manusia perkhidmatan awam telah bermula sejak 2002 lagi melalui Pekeliling Perkhidmatan, Sistem Saraan Malaysia. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) turut menekankan perihai kompetensi melalui Lonjakan 2 : Kecemerlangan Bakat, Pengurusan Bakat berasaskan kompetensi khususnya di Universiti Awam merupakan keutamaan yang diberikan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam usaha mentransformasikan pengurusan sumber manusia melalui elemen kompetensi.



Transformasi ini telah menjadi trend kebanyakan organisasi sektor awam dan swasta yang ternyata memberi impak yang berbeza. Ia merupakan satu pendekatan untuk menguruskan bakat atau staf merujuk kepada kecekapan yang diperlukan bagi kecemerlangan organisasi, dan menyediakan rangka kerja untuk memastikan penilaian prestasi, pembangunan & latihan, pelan penggantian, penganugerahan dan laluan kerjaya staf diuruskan mengikut kecekapan atau kompetensi yang diperlukan.

Berpegang kepada falsafah Kompetensi Teras Kegemilangan, motto yang dizahirkan sejak penubuhan UTeM, jelas menuntut kompetensi sebagai agenda utama dalam penyampaian kerja berprestasi tinggi yang seterusnya menyumbang kepada pencapaian visi, misi dan pelan strategik UTeM.

Penerapan kompetensi di UTeM telah mula dilaksanakan pada tahun 2002 berdasarkan kepada Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2002 - Pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia (SSM) Bagi Anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan yang memperkenalkan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) berasaskan kompetensi.

Selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 13/2010 – Pemansuhan PTK, pihak universiti bersetuju untuk memilih kaedah penilaian kompetensi berterusan dengan menggunakan Program Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) bagi menggantikan kaedah penilaian sedia ada. Pemantapan kompetensi seterusnya dilaksanakan melalui Program Individual Development Plan (IDP) bagi Kumpulan Pengurusan & Profesional dan MyCP (*Competency Profile*) bagi Kumpulan Pelaksana. Walau bagaimanapun, kompetensi yang telah dibangunkan melalui Program IDP dan MyCP hanya berfokus kepada kompetensi umum sahaja. Kompetensi yang lebih khusus perlu dikenalpasti dan dibangunkan dalam memastikan kompetensi yang diukur menjamin keberkesanan dan kecekapan dalam pelaksanaan kerja.




UTeM's 7 Goals 2021-2025

Berkisar kepada perkara ini, Pejabat Pendaftar melalui Bahagian Pembangunan Bakat dalam usaha memperkasakan Pengurusan Bakat Berdasarkan Kompetensi (*MyTalent*) seperti yang digariskan dalam salah satu daripada *Strategic Goal 4, Competent and Robust Talent*, Matlamat Strategik UTeM 2021-2025.

MyTalent dilihat sebagai suatu proses bersepadu dan berterusan yang perlu dirancang dengan teliti, komprehensif dan holistik bagi memastikan terbinanya satu sistem pengurusan bakat yang bersistematik, berstruktur dan berupaya dalam merancang keperluan, merekrut dan menambat modal insan berprestasi tinggi dan memungkinkan mobiliti bakat-bakat terbaik ke segenap peringkat dan aras organisasi. Dengan demikian setiap staf dapat diposisikan pada kedudukan yang mengupayakan sumbangan dengan berkesan kepada organisasi, sekali gus mengembangkan potensi dirinya semaksimum mungkin.

Bagi menggerakkan pelaksanaan *MyTalent*, UTeM memerlukan satu anjakan paradigma yang akan mengalihkan kebiasaan kepada pendekatan pengurusan yang baharu iaitu pengurusan yang berasaskan kompetensi yang mampu menzahirkan impak berskala besar merangkumi seluruh sistem pengurusan sumber manusia UTeM.

MyTalent akan melibatkan semua fungsi pengurusan sumber manusia yang akan diuruskan melalui sebuah model kompetensi yang dibangunkan. Ia melibatkan penggubalan profil kompetensi jawatan atau tugas dan individu serta kamus kompetensi yang memberi diskripsi dan tahap bagi setiap kompetensi yang dinyatakan.



Teras Utama (Niche Area) Sumber Manusia MyTalent

Empat (4) orang staf yang mengikuti program Diploma Profesional dalam Pengurusan Bakat Berasaskan Kompetensi adalah seperti berikut:

1 **Profesor. Ts. Dr. Faaizah binti Shahbodin**

2 **Encik Mohd Azmi bin Mat Said**

3 **Encik Mohd Shahrul Nizam bin Shukor**

4 **Puan Hazrin binti Kasim**

Justeru, *MyTalent* perlu dibangunkan bagi membantu UTeM memberi tumpuan kepada kemahiran, pengetahuan dan ciri-ciri peribadi yang diperlukan untuk memastikan kecemerlangan prestasi kerja dan juga membangunkan budaya kerja organisasi yang menyumbang terhadap pencapaian objektif strategik organisasi.

Menyedari kepentingan memastikan agenda *MyTalent* direalisasikan di UTeM, Pejabat Pendaftar telah menghantar empat (4) orang staf yang memegang portfolio Pengurusan Bakat mendapat pendedahan dan memperkasakan ilmu berkaitan pengurusan sumber manusia untuk mengikuti program Diploma Profesional dalam Pengurusan Bakat Berasaskan Kompetensi atau *Profesional Diploma in Competency Based Talent Management (CBTM)* yang diperkenalkan oleh pihak AKEPT dengan kerjasama Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Tentunya cabaran bagi merealisasikan satu sistem pengurusan bakat (*MyTalent*) yang bersepadu bukan sesuatu yang mudah dan melibatkan proses jangka panjang secara terancang dan paling utama adalah kerjasama dan sinergi pemikiran semua staf UTeM dalam kesediaan untuk sama-sama melaksanakan dan merealisasikan transformasi pengurusan bakat berdasarkan kompetensi agar UTeM boleh berdiri sama tinggi dengan Universiti Awam yang lain serta sentiasa bersiap siaga dalam mendepani cabaran dan keperluan bakat pada masa hadapan.

Garis Panduan PERMOHONAN KELUAR PEJABAT

Disediakan oleh: Zainuddin bin Abdul Hamid



INFO

Universiti melalui Surat Edaran Pentadbiran Bil. 13/2017 Permohonan Keluar Pejabat Secara Atas Talian (*Online*) Bagi Staf UTeM, dan dibaca bersama dengan Surat Edaran Pentadbiran Bil. 9/2010 Pemakluman Bagi Kebenaran Meninggalkan Pejabat Dalam Waktu Bekerja Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Di Bawah Perintah Am 5 Bab G – Mematuhi Waktu Bekerja UTeM, telah bersetuju:

Permohonan keluar pejabat hendaklah mendapatkan kelulusan daripada Pegawai Pelulus (Pegawai Penilai Pertama) terlebih dahulu sebelum meninggalkan pejabat semasa waktu bertugas



Staf yang telah mendapatkan kebenaran keluar sebelah pagi, hendaklah mengimbas kad matrik setibanya staf di tempat bertugas

Staf yang telah mendapat kebenaran keluar pejabat sebelah petang, hendaklah mengimbas kad matrik sebelum meninggalkan pejabat

Staf yang mendapatkan rawatan untuk diri sendiri di klinik / hospital dikehendaki mengemukakan *time slip* atau sebarang dokumen daripada Pegawai Perubatan atau Doktor untuk mengesahkan bahawa pegawai mendapatkan rawatan di klinik / hospital berkenaan dalam tempoh tersebut

Kemudahan RAWATAN PERGIGIAN

BAGI STAF KUMPULAN PELAKSANA

Disediakan oleh: Raimi Humaira binti Rabu



Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia Bil.5/2020 telah bersetuju memperakukan dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 5/2020 telah meluluskan pemberian kemudahan rawatan pergigian kepada Kumpulan Pelaksana dengan kos RM150.00 setahun melalui kaedah 'Pay & Claim' berkuatkuasa mulai 1 Mac 2021.

Kemudahan rawatan ini boleh didapati sama ada di Klinik Pergigian Pusat Kesihatan UTeM, Klinik Pergigian Hospital Kerajaan atau Klinik Pergigian Swasta.

Staf dan tanggungan yang telah membuat pembayaran rawatan pergigian boleh membuat tuntutan bayaran balik ke Unit Kemudahan Staf, Bahagian Governan & Pengurusan Organisasi, Pejabat Pendaftar dengan menggunakan Borang BPO 8 (Perubatan).

01



KELAYAKAN

Bagi Tahun 2021, hanya staf Pelaksana sahaja layak untuk bayaran balik rawatan pergigian

Rawatan pergigian bagi staf (suami/isteri) dan anak-anak boleh didapati samada di Klinik Pergigian Pusat Kesihatan Universiti/Klinik Pergigian Hospital Kerajaan atau Klinik Pergigian Swasta

02



RAWATAN YANG
DITANGGUNG

Cabutan gigi
Tampalan gigi
Pemeriksaan gigi sahaja

03



RAWATAN YANG
TIDAK DITANGGUNG

Membuat crowning
Membuat gigi palsu
Penampalan yang dibuat menggunakan logam yang mahal
Rawatan ortodontik bagi tujuan corrective measures yang merupakan rawatan kecantikan

04



KAEDAH DAN HAD

Kadar rawatan pergigian bagi secara keseluruhannya adalah maksimum sebanyak RM150.00 setahun

Kaedah paid and claim bagi Klinik Pergigian Swasta dengan mengemukakan resit rasmi klinik berkaitan

Menjaga kesihatan gigi dan mulut adalah kunci kepada kesihatan diri yang baik. Gigi yang sihat dan kuat memberi banyak kepentingan kepada kita terutama untuk mengunyah dan menghancurkan makanan. Selain itu juga, gigi yang bersih dan tidak rosak menampilkan imej yang positif untuk individu.

Antara perkhidmatan pergigian yang disediakan di Pusat Kesihatan UTeM adalah:

- Pemeriksaan mulut dan gigi
- Pengskaleran dan penggilapan
- Cabutan gigi
- Pendidikan kesihatan gigi
- Tampalan

Kemudahan RAWATAN HEMODIALISIS

Disediakan oleh: Raimi Humaira binti Rabu



Menurut Pekeliling JPA Perintah Am Bab F 1974, perbelanjaan rawatan penyakit buah pinggang seperti Hemodialisis dan Continuois Ambulatory Peritoneal Dialysis (CAPD) di luar hospital kerajaan boleh dipertimbangkan dengan syarat pesakit diperaku oleh Pakar Nefrologi Kerajaan memerlukan rawatan berkenaan dan disahkan kemudahan rawatan tersebut tidak dapat disediakan oleh Hospital Kerajaan.

Perbelanjaan untuk rawatan hemodialisis di hospital/klirik swasta terhad kepada kos rawatan sebenar tertakluk kepada had maksimum tidak melebihi RM200.00 setiap rawatan.

Perkhidmatan rawatan ini dipanjangkan kepada tanggungan staf seperti pasangan, anak, ibu bapa dan pesara.

Dengan menyediakan kemudahan rawatan ini sedikit sebanyak dapat membantu meringankan beban yang ditanggung oleh staf.



HEMODIALISIS

Rawatan hemodialisis merupakan rawatan alternatif membersihkan darah dengan mengeluarkan sisa toksin, lebihan garam dan cecair daripada badan pesakit melalui penggunaan mesin dialisis. Rawatan ini membantu mengekalkan keseimbangan kimia seperti kalium, natrium dan klorida serta memastikan tekanan darah terkawal.

Perjalanan PhD. TOK UMMI BERCUCU DUA

Disediakan oleh: Datin Dr. Fadzilah binti Salim

Masih terbayang sewaktu mesyuarat Jabatan (JTKE, FTK) pada tahun 2012 bagi menyusun senarai nama staf jabatan untuk menyambung pengajian PhD. Nama saya berada di nombor ke-10, dan dijangka akan keluar untuk cuti belajar pada tahun 2016. Saya ditanya oleh Ketua Jabatan pada ketika itu, adakah saya berminat untuk menyambung nanti. Sambil tergelak dan mengira dengan jari, saya berkata, "Oh! 2016 nanti umur akak 49 tahun, entahlah nak sambung ke tidak".

Apabila tibanya tahun 2016, kata-kata semangat dari adik-adik rakan pensyarah, "Boleh kak, akak boleh, anak-anak akak semua dah besar" bermain di ingatan saya. "Ya, betul, anak-anak akak memang semuanya dah besar-besar, tapi umur akak dah nak masuk 50 tahun ni, dah slow nak belajar PhD. ni", ujar saya. "Kita redah je kak, InsyaAllah" ujar mereka lagi. Pada waktu yang sama, saya telah dimaklumkan oleh pegawai di Unit Cuti Belajar, Pejabat Pendaftar yang mana ini adalah merupakan peluang yang pertama dan terakhir buat saya untuk melanjutkan pelajaran di UTeM memandangkan faktor usia saya.

Akhirnya, pada tanggal 1 September 2016, pada usia 49 tahun 6 bulan, Allah SWT takdirkan saya mula mengharungi perjalanan pengajian PhD. yang seronok tetapi juga mencabar.

Berbanyak terima kasih saya ucapkan pada Universiti Teknikal Malaysia Melaka, (UTeM), kerana telah memberi saya peluang dan ruang untuk menyambung pengajian PhD di UTeM sendiri. Ini adalah kerana dalam usia sebegini, saya merasakan kemampuan untuk mengharungi perjalanan berulang alik ke universiti lain untuk menimba ilmu agak payah. Saya berpeluang menyambung pengajian PhD di FTMK, UTeM di bawah seliaan Profesor Madya Dr. Nor Azman Bin Abu.

Saya telah mengenali penyelia saya sewaktu kami belajar di peringkat Ijazah Sarjana Muda di *Purdue University, West Lafayette, Indiana, USA* di fakulti yang sama iaitu *School of Science*. Oleh yang demikian, tidak banyak kerenah yang saya hadapi memandangkan saya telah mengenali beliau begitu lama. Bagi saya, ini merupakan salah satu faktor penting yang menyumbang kepada kejayaan pengajian saya.



Sesi Viva bersama Panel Penilai & Penyelia

Penyelia saya banyak membantu dari mula sehingga akhir pengajian. Beliau sangat memahami dan mempunyai kesabaran yang tinggi, serta sentiasa mempunyai idea-idea yang di luar jangkauan. Beliau tidak pernah jemu untuk mengulang dan memberi penerangan perkara yang sama berulang-ulang kali selama 4 tahun pengajian saya. Maklumlah, di usia 50-an, kefahaman dan ingatan kepada sesuatu ilmu baharu yang teknikal agak mencabar buat saya.

Faktor lain yang menjadi penyumbang pada kekuatan saya untuk terus berjuang dan menamatkan pengajian adalah disebabkan saya membayar yuran pengajian saya sendiri. Pada asalnya, saya diberi peluang cuti belajar dengan mendapat tajaan penuh dari UTeM, tetapi suami mencadangkan agar saya hanya mengambil cuti bergaji penuh sahaja. Manakala yuran pengajian ditanggung oleh saya sendiri dengan duit gaji yang saya perolehi. Ini juga disebabkan oleh faktor usia saya kerana dikhuatiri sekiranya saya mengambil masa yang terlalu lama untuk menamatkan pengajian, maka berkemungkinan saya akan menghadapi masalah untuk membayar balik menerusi tempoh perkhidmatan seperti yang ditetapkan di dalam perjanjian. Oleh kerana saya telah membelanjakan sejumlah wang bagi membayar yuran pengajian selama 4 tahun, adalah suatu yang amat menyedihkan dan memalukan sekiranya saya gagal untuk tiba di garisan penamat.

Setiap pelajar PhD sebenarnya mempunyai pengalaman pahit dan manis yang tersendiri dalam mengharungi pengajian masing-masing. Cabaran dan dugaan adalah tidak sama antara kami semua. Oleh yang demikian, kita tidak seharusnya mengukur dan membandingkan serta membuat penilaian tentang tahap pencapaian dan kejayaan pengajian PhD. semua pelajar dengan kayu ukur yang sama.

Pada pengamatan dan pengalaman saya, antara faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan menanti bagi seseorang pelajar PhD adalah seperti berikut:

- 1 **Usia dan status (bujang atau berkahwin)**
- 2 **Pengetahuan dan keupayaan**
- 3 **Bidang pengajian yang diceburi**
- 4 **Penyelia**
- 5 **Sistem sokongan di tempat pengajian**
- 6 **Sistem sokongan keluarga**
- 7 **Persekitaran dan banyak lagi...**

Mungkin pengalaman yang saya lalui tidaklah seindah mahupun seburuk rakan-rakan yang lain. Antara yang menjadi keseronokan saya adalah apabila dapat mempelajari sesuatu yang baharu, dapat belajar dan menimba ilmu dari penyelia yang hebat, walaupun saya tidaklah sehebat mana. Seronok juga cuti belajar dengan tidak mengajar selama 3 tahun 9 bulan. Terasa seperti dapat berehat buat sementara waktu dari melakukan rutin pekerjaan yang biasa.

Walau bagaimanapun, bak kata pepatah, "Disangka panas hingga ke petang, rupanya hujan di tengahari". Saya juga diuji dengan berbagai-bagai cabaran dan dugaan sewaktu pengajian. Di antaranya, saya mengalami kegagalan di peringkat *proposal defence* pada semester ke-3 pengajian dan dikehendaki mengulangnya semula pada semester yang berikutnya. Ini diikuti dengan anak sulung yang ingin berkahwin yang memerlukan pengorbanan masa bagi membuat persediaan. Di waktu yang sama saya terpaksa menempuh sekali lagi *proposal defence* pada semester ke-4 pengajian.

Setelah pembentangan *proposal defence* kali ke-2 saya diterima oleh panel penilai, saya dan keluarga di timpa dengan satu ujian yang sangat berat yang mana suami saya telah jatuh sakit. Sekali lagi masa pengajian saya terpaksa dikorbankan. Pada semester ke-5 pengajian, sekali lagi pengorbanan masa diperlukan bagi memberi laluan untuk anak ke-2 pula mendirikan rumahtangga.



Keluarga menjadi sumber kekuatan dan sokongan

Juga, di sepanjang pengajian, ada beberapa ketika saya terpaksa berulang alik pulang ke kampung di hujung minggu untuk menjaga ibu yang sedang uzur. Ini di tambah pula dengan anak yang terpaksa menjalani pembedahan lutut dan mengambil masa selama enam bulan untuk sembuh sepenuhnya, serta menghadiri perbicaraan mahkamah disebabkan anak yang disaman JPJ kerana memandu motosikal tanpa lesen memandu.

Sesungguhnya semua ujian dan dugaan yang memerlukan pengorbanan masa, tenaga dan emosi, tidak sedikit pun saya rasa menyesal. Menangis bukan bermaksud kecewa atau putus asa, tapi hanyalah lumrah sebagai manusia biasa yang mempunyai perasaan. Saya yakin bahawa semua ini adalah aturan Allah SWT dan ada hikmah yang tersirat dan yang tersurat.

Pada ketika inilah juga Allah SWT telah menemukan saya dengan satu doa yang ma'thur yang mulai dari saat itu saya mengamalkannya sehingga ke hari ini. Doa inilah yang telah memberi saya kekuatan serta ketenangan dalam kehidupan sehingga ke hari ini, Alhamdulillah. Di sini, saya kongsi doa tersebut. Daripada Aisyah R.A., sesungguhnya Rasulullah SAW telah mengajarkan suatu doa kepadanya:

“

Ya Allah, aku bermohon dikurniakan segala kebaikan yang hampir dan yang masih jauh, sama ada yang aku tahu dan yang aku tidak tahu. Dan lindungilah aku daripada kejahatan dan keburukan yang hampir dan yang masih jauh, sama ada yang aku tahu dan yang aku tidak tahu. Sesungguhnya aku meminta kepada-Mu semua doa kebaikan yang diminta oleh hamba dan Nabi-Mu Muhammad SAW. Dan aku berlindung kepada-Mu dari keburukan yang hamba dan Nabi-Mu meminta perlindungan dari keburukan itu.

Ya Allah, aku meminta kepada-Mu syurga dan segala yang mendekatkan menuju syurga, sama ada dengan perkataan mahu pun perbuatan. Dan aku berlindung kepada-Mu dari neraka dan segala yang mendekatkan menuju neraka, sama ada dengan perkataan mahupun perbuatan. Dan aku meminta kepada-Mu agar menjadikan semua takdir yang Engkau takdirkan untukku adalah kebaikan” (HR. Ahmad no. 25019, Ibnu Majah no. 3846, dan Ibnu Hibban no. 869. Dinilai sahih oleh Al-Albani dalam Ash-Shahihah no. 1542.)

”

Saya juga bersyukur atas sokongan padu keluarga, terutama suami dan anak-anak. Suami sentiasa menjadi *bff* saya (*best friend forever*), berkongsi suka dan duka, menjadi *a shoulder to cry on* apabila saya merasa tertekan sewaktu pengajian. Anak-anak dan menantu banyak membantu meringankan beban kerja-kerja di rumah. Cucu-cucu sentiasa menjadi penghibur yang menceriakan.



Cucu-cucu penghibur hati yang lara

Terima kasih buat penyelia, Dr. Azman, yang banyak menjadi pemudah cara, membantu serta memberi sokongan dan kata-kata semangat sewaktu pengajian. Tidak dilupakan, terima kasih buat adik-adik rakan staf di Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi (FTMK) yang menerima kehadiran saya dengan penuh kasih sayang selama saya berkampung di FTMK selama 3 tahun 9 bulan pengajian. Terima kasih juga pada semua adik-adik rakan staf Matematik di Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FTKEE) dan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FTKMP), Dekan dan mantan Dekan FTKEE dan semua yang telah membantu secara langsung atau tidak langsung kepada kejayaan menanti ini.

Akhir kalam, seperti yang dijangkakan oleh penyelia, saya telah dapat menyelesaikan penulisan tesis pada Ogos 2020, iaitu genap 4 tahun pengajian. Pada tanggal 25 Ogos 2021, mesyuarat senat UTeM telah memperakukan ijazah PhD saya.

Alhamdulillah, sesungguhnya ini semua adalah rezeki kurniaan Allah SWT. Tiada daya upaya dan kekuatan melainkan atas pertolongan Allah SWT. Sesungguhnya usaha manusia tidak memberi bekas tanpa izin dan rahmat dari Allah SWT. Beristighfar, berdoa dan kebergantungan pada Allah SWT merupakan faktor utama kejayaan menanti yang diperolehi. Buat adik-adik dan rakan-rakan staf yang sedang berjuang, teruskan usaha anda sehingga ke garisan penamat, jangan putus asa, jangan sekali mengaku kalah. Yang paling penting, jangan lupa untuk sentiasa berdoa dan bergantung harap kepada Yang Maha Esa.

“

Kemudian apabila engkau telah berazam maka bertawakallah kepada Allah, sesungguhnya Allah Mengasihi orang-orang yang bertawakal kepada-Nya

Surah Ali-Imran : Ayat 159

”

Allahuálam.

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah S.W.T., Tuhan yang mentadbir sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W., penghulu segala Nabi dan Rasul. Selawat dan salam juga ke atas keluarga baginda dan seluruh sahabatnya.

Pertama sekali, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpahan kurnia dan hidayahNya, saya telah menamatkan pengajian PhD dengan jayanya. Alhamdulillah, saya telah menamatkan pengajian secara GoT (*Graduate on Time*) dan dianugerahkan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Matematik daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 22 September 2021.

Sebelum saya memulakan coretan perkongsian ini, penghargaan teristimewa saya rakamkan kepada mak dan bapak, Fatimah@Dora binti Mohran dan Waini bin Gobil, atas kasih sayang dan sokongan serta doa mereka sepanjang tempoh pengajian ini. Seterusnya, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Prof. Dr. Anuar bin Mohd Ishak selaku penyelia utama dan Prof. Dr. Roslinda binti Mohd Nazar selaku penyelia bersama dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) atas ilmu yang diberikan serta dorongan, bimbingan dan nasihat mereka.

Perkongsian KEJAYAAN PhD

Disediakan oleh: Dr. Iskandar bin Waini



Selain itu, terima kasih juga kepada penyelidik bersama iaitu Profesor Emeritus Dr. Ioan Pop dari Universiti Babes-Bolyai, Cluj-Napoca, Romania atas segala sumbangan kepakaran dan idea yang diberikan untuk penyelidikan PhD ini. Tidak lupa juga kepada Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPT) atas bantuan kewangan dan pelepasan cuti belajar.

Saya berasal dari Kuching, Sarawak dan mula berkhidmat di UTeM mulai 18 Februari 2013. Selama beberapa tahun berkhidmat, sudah tiba giliran saya menyambung pengajian pada tahun 2018. Saya menerima biasiswa daripada KPT dan diberi pelepasan cuti belajar oleh UTeM bermula pada 3 September 2018 sehingga 2 September 2021. Pada 6 September 2018, saya telah mendaftar di UKM sebagai pelajar PhD dalam bidang Matematik.

Disini, saya ingin berkongsi pengalaman tentang kisah perjalanan pengajian PhD daripada awal pengajian sehingga tamat pengajian secara ringkas. Selain itu, saya juga akan kongsi beberapa faktor yang menyumbang kepada kejayaan dalam pengajian ini. Pada mulanya, langkah awal bagi kita untuk menyambung pengajian PhD adalah pemilihan penyelia.

Proses ini dilakukan dengan mengenal pasti bidang yang bersesuaian dengan mencari maklumat bakal penyelia daripada laman web seperti laman web universiti, *Google Scholar*, dan *Scopus*. Selain itu, kita juga boleh mendapatkan cadangan daripada rakan-rakan yang telah menamatkan pengajian PhD dalam bidang tersebut. Kemudian, kita perlu menghubungi dan berjumpa dengan bakal penyelia untuk mendapatkan gambaran sebenar kepakaran dan keperluan penyelidikan penyelia tersebut.

Sebelum saya diterima sebagai pelajar oleh Prof. Dr. Anuar (penyelia utama), saya telah cuba menghubungi beberapa calon penyelia daripada beberapa universiti. Penerimaan pelajar sebenarnya bergantung kepada calon penyelia tersebut sama ada mereka memerlukan pelajar ataupun tidak dan dipengaruhi oleh beberapa faktor lain iaitu calon penyelia mempunyai ramai pelajar ataupun tidak, mempunyai geran penyelidikan ataupun tidak, bidang yang bersesuaian dan prestasi bakal pelajar itu sendiri. Rezeki saya diterima oleh Prof. Dr. Anuar sebagai pelajar yang mana beliau merupakan Panel Penilai Luar bagi tesis penyelidikan semasa pengajian Sarjana saya terdahulu di Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Diawal pengajian, seperti kebiasaannya, saya perlu menyesuaikan diri dengan suasana dan peraturan serta sistem universiti di UKM. Pada semester pertama, saya mendaftar subjek Kaedah Penyelidikan yang mana subjek tersebut merupakan subjek wajib dan satu daripada syarat untuk bergraduasi. Di UKM terutamanya di Fakulti Sains dan Teknologi (FST), subjek tersebut ditawarkan setiap semester, namun saya berpendapat adalah lebih baik untuk mendaftar awal. Untuk pengetahuan, kertas kerja cadangan adalah satu daripada penilaian dalam subjek tersebut.



Gambar 1:
Prof. Dr. Anuar bin Mohd Ishak
(penyelia utama) semasa
pendaftaran di ICoAIMS 2019

Selain itu, kerja kursus dan peperiksaan akhir juga diambil kira. Alhamdulillah, saya lulus subjek tersebut walaupun menghadapi sedikit kesukaran semasa penilaian kertas kerja cadangan. Selain itu, menerbitkan dua makalah dan menghadiri satu persidangan adalah syarat bergraduasi di UKM. Sebenarnya, pada semester ini juga saya telah menulis beberapa makalah dan dihantar ke jurnal berindeks ISI (*International Scientific Indexing*). Pada semester seterusnya, saya terus fokus kepada penyelidikan dan penulisan makalah.

Dipertengahan pengajian, saya mula menghadiri persidangan. Persidangan pertama yang saya hadiri ialah *2nd International Conference on Applied & Industrial Mathematics and Statistics 2019* (ICoAIMS 2019) anjuran Fakulti Sains dan Teknologi Industri, Universiti Malaysia Pahang. Disini, saya mendapat ramai kenalan baru. Ini penting dalam penyelidikan yang mana boleh membantu kita untuk mengembangkan lagi penyelidikan serta berkongsi ilmu kepada penyelidik lain. Pada tahun 2019, saya giat menulis makalah dan beberapa makalah telah diterbitkan.

Meskipun begitu, saya perlu berdisiplin dan mengurus masa dengan sebaik mungkin. Dalam pada itu, pernah beberapa kali saya berjumpa dengan penyelia secara bersemuka di kala Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi PKP dilonggarkan. Semasa PKP, saya lebih giat menulis makalah sehingga pertengahan tahun 2020. Selepas itu, saya telah mula menulis tesis pada bulan Julai 2020. Tidak dinafikan menulis tesis memerlukan masa yang panjang. Ini kerana, semua makalah yang telah diterbitkan adalah dalam Bahasa Inggeris yang perlu ditukar bahasa ke dalam Bahasa Melayu. Di UKM, semua pelajar Malaysia adalah wajib menulis tesis dalam Bahasa Melayu melainkan kes-kes tertentu.

Gambar 2:

**Bergambar bersama
Profesor Emeritus Dr.
Ioan Pop di ICoAIMS
2019**



Seperti yang kita sedia maklum, diawal tahun 2020, seluruh dunia menghadapi krisis wabak Covid-19. Pada 18 Mac 2020, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah dilaksanakan di seluruh negara yang mana dalam tempoh ini pelajar tidak dibenarkan menjalankan sebarang aktiviti di kampus. Disebabkan itu, segala urusan penyelidikan dilakukan di rumah dan perbincangan bersama penyelia hanya dilakukan secara maya sahaja. Namun, tiada halangan untuk meneruskan penyelidikan disebabkan bidang penyelidikan ini adalah secara simulasi yang tidak melibatkan sebarang aktiviti eksperimen.

Alhamdulillah, draf pertama tesis saya telah siap ditulis pada bulan Disember 2020 dan dihantar ke penyelia untuk semakan. Seterusnya, notis penyerahan tesis telah saya kemukakan kepada Sekretariat Pengajian Siswazah Fakulti (SPS) pada bulan Januari 2021. Di UKM, tempoh notis penyerahan tesis mestilah cukup tiga bulan sebelum tesis dihantar untuk penilaian. Kemudian, semakan daripada penyelia mengambil masa hampir dua bulan. Syukur, sedikit sahaja pembetulan yang perlu dilakukan selepas semakan daripada penyelia. Setelah cukup tempoh tiga bulan iaitu pada bulan April 2021, saya telah menghantar tesis ke SPS untuk proses penilaian.

Sebelum pengajian berakhir, saya perlu menjalani peperiksaan lisan (VIVA). Sementara menunggu tarikh peperiksaan lisan, saya meneruskan aktiviti menulis makalah yang mana semasa menulis tesis saya jarang menulis makalah kerana lebih fokus untuk menyiapkan tesis. Menarik juga untuk dikongsikan bersama, diawal bulan Julai, saya dimaklumkan oleh penyelia yang mana peperiksaan lisan dijangka akan diadakan pada 27 Julai 2021. Namun, menghampiri tarikh tersebut, saya masih belum mendapat pengesahan tarikh yang sebenar daripada pihak SPS. Jadi, saya berpendapat mungkin peperiksaan lisan tersebut ditunda.



Saya menghubungi penyelia untuk menentukan sama ada peperiksaan lisan tersebut betul-betul ditunda atau bagaimana. Kemudian, penyelia telah menghubungi pihak yang berkenaan untuk pengesahan dan mereka menyatakan tarikh sebenar peperiksaan adalah pada 27 Julai 2021. Saya mendapat pengesahan tersebut pada 24 Julai 2021 iaitu tiga hari sebelum tarikh sebenar peperiksaan. Berkat inisiatif saya dan penyelia segala persediaan telah dilakukan seawal bulan Julai. Jadi, saya tidak terlalu gelisah dan risau disebabkan oleh masalah tersebut. Namun, pihak yang berkenaan telah memohon maaf atas masalah teknikal yang berlaku. Sebagai pengajaran, kita sebagai pelajar perlu sentiasa bersedia dalam apa juga keadaan.

Untuk pengetahuan, saya menjalankan sesi peperiksaan lisan secara maya disebabkan oleh PKP pada masa itu. Tidak dinafikan, sebelum peperiksaan dimulakan saya berasa agak gementar tetapi masih lagi terkawal. Semasa peperiksaan dijalankan, tiada sebarang masalah yang berlaku. Segala sesi soal jawab bersama panel pemeriksa berjalan dengan lancar. Sesi tersebut tamat kurang daripada dua jam.

Alhamdulillah, saya lulus dengan cemerlang dan hanya perlu membuat sedikit pembetulan pada tesis. Saya telah membuat pembetulan tersebut dan mendapat pengesahan daripada pihak SPS untuk membuat tesis berjilid keras dalam tempoh lebih kurang dua minggu.

Gambar 3 Bergambar bersama penyelidik-penyelidik dalam bidang Matematik

Pada 16 Ogos 2021, saya telah menghantar tesis berjilid keras ke SPS dan mendapat kelulusan Senat UKM pada 22 September 2021.

Suka untuk saya kongsi juga beberapa faktor yang menyumbang kepada kejayaan pengajian PhD saya ini. Satu daripadanya adalah kedua-dua penyelia iaitu Prof. Dr. Anuar dan Prof. Dr. Roslinda mempunyai pengalaman yang luas dan merupakan antara penyelidik yang berpengaruh dalam bidang ini. Selain itu, Profesor Emeritus Dr. Ioan Pop merupakan perintis dan pakar dalam bidang ini. Oleh itu, makalah yang diterbitkan lebih mudah untuk mendapat perhatian daripada penyelidik luar dan dapat meningkatkan petikan makalah tersebut. Tambahan pula, bidang untuk penyelidikan PhD ini adalah bidang yang menjadi pilihan oleh para penyelidik pada masa ini.



Gambar 4 Bergambar bersama rakan-rakan seperjuangan

Oleh itu, lebih banyak makalah yang boleh diterbitkan kerana permintaan daripada jurnal-jurnal antarabangsa dan dalam negara. Seterusnya, tiada kekangan dari segi kelengkapan dan bahan eksperimen kerana penyelidikan ini dijalankan secara simulasi dan pengiraan berangka dengan menggunakan pengaturcaraan komputer. Selain menjaga hubungan kita dengan ibubapa, hubungan kita dengan penyelia juga penting dalam memastikan perjalanan pengajian PhD menjadi lebih mudah dan lancar. Segala masalah yang timbul dalam menjalankan kajian haruslah dirujuk kepada penyelia supaya dapat diselesaikan dengan segera. Hubungan antara rakan-rakan seperjuangan juga dapat memberi motivasi kepada kita untuk lebih berusaha dan berjaya. Mempunyai rakan-rakan yang berdaya saing dalam penyelidikan memberi semangat untuk kita bersama-sama menjalankan kajian dan menghasilkan makalah.

Yang lebih penting, rasa tanggungjawab kita sendiri yang diberikan amanah untuk melanjutkan pelajaran dan diberi bantuan kewangan daripada universiti dan kementerian adalah satu daripada faktor pemangkin untuk kita terus melangkah. Namun, beberapa ketika saya merasakan sedikit tertekan semasa menjalankan kajian dan penyelidikan ini. Jika saya menghadapi sebarang masalah, saya suka berkongsi masalah tersebut dengan rakan-rakan serta meluangkan masa bersama mereka supaya tekanan yang dihadapi tidak terus membelenggu dan mengganggu kesihatan kita.

Selain itu, saya juga meredakan tekanan dengan bermain bersama kucing-kucing peliharaan di rumah. Bagi saya, ini adalah satu daripada terapi sendiri yang sangat membantu untuk mengurangkan tekanan yang dihadapi. Selain itu, disebabkan saya bujang, saya mempunyai lebih masa untuk membuat penyelidikan dan menulis makalah. Akhir sekali, tawakal kepada Allah S.W.T. dan semua kejayaan adalah datang daripada-Nya.

Diakhir perkongsian ini, ingin saya nyatakan bahawa kita jangan membanding-bandingkan kejayaan kita dengan orang lain. Setiap orang mempunyai perjalanan dan pengalaman yang berbeza semasa pengajian PhD. Rezeki datangnya daripada Allah S.W.T dan segala ketentuan juga daripada-Nya. Oleh itu, kita perlu sentiasa bersyukur dengan nikmat yang diberikan.

Jun 2021

BIL	NAMA KURSUS	TARIKH	PLATFORM
1.	KURSUS INSAN BERILMU PENENTU TADBIR URUS TERBAIK UNIVERSITI	3 JUN 2021 KHAMIS	WEBEX MEETING
2.	KURSUS OH MY ENGLISH! ENGLISH FOR COMMUNICATIVE PURPOSES	11 JUN 2021 JUMAAT	WEBEX MEETING
3.	KURSUS KEYS TO PERSUASIVE PRESENTATION	28 JUN 2012 ISNIN	WEBEX MEETING

Julai 2021

BIL	NAMA KURSUS	TARIKH	PLATFORM
1.	KURSUS ENGLISH BYTES	2 JULAI 2021 JUMAAT	WEBEX MEETING
2.	KURSUS MICROSOFT OFFICE 365 APPS	6 JULAI 2021 SELASA	MICROSOFT TEAMS
3.	KURSUS PENGANJURAN SUKAN : CABARAN PENGANJURAN SUKA PASCA COVID 19	14 JULAI 2021 RABU	WEBEX MEETING
4.	KURSUS MARKETING & PROMOTION : AN ACADEMIC LIBRARY PERSPECTIVE	27 – 28 JULAI 2021 SELASA - RABU	ZOOM MEETING

Laporan Kursus UNIT LATIHAN & PENJANAAN

Bahagian Pembangunan Bakat
Pejabat Pendaftar

Disediakan oleh: Nooraziana binti Dahalan







Ogos 2021

BIL	NAMA KURSUS	TARIKH	PLATFORM
1.	KURSUS PEMANTAPAN JURUAUDIT DALAMAN MS ISO 9001 : 2015 PEJABAT PENDAFTAR	2 OGOS 2021 ISNIN	WEBEX MEETING
2.	KURSUS PERUNDINGAN KELUARGA ISLAM	4 OGOS 2021 KHAMIS	WEBEX MEETING
3.	KURSUS MICROSOFT EXCEL FORMULAS AND FUNCTIONS	5 OGOS 2021 KHAMIS	MICROSOFT TEAMS
4.	KURSUS ENGLISH FOR FRONTLINERS	6 OGOS 2021 JUMAAT	MICROSOFT TEAMS
5.	KURSUS THE BEST EXCEL CHARTS AND GRAPHS FOR DATA ANALYSIS	12 OGOS 2021 KHAMIS	MICROSOFT TEAMS
6.	KURSUS ENGLISH FOR EVERYDAY USE	12 OGOS 2021 JUMAAT	WEBEX MEETING
7.	KURSUS MY CHEMICAL ROMANCE (CLASS REGULATION FOR CHEMICAL LABORATORIES STAFF)	17 – 18 OGOS 2021 SELASA - RABU	ZOOM MEETING
8.	KURSUS PENDEKATAN BAHARU PENSIJILAN AUDIT AMALAN PERSEKITARAN BERKUALITI (QE/5S)	17 – 18 OGOS 2021 SELASA - RABU	MICROSOFT TEAMS
9.	KURSUS ONE SPIRIT ONE VOICE ONE TEAM "FTMK TRULY WORLD"	18 – 20 OGOS 2021 RABU - JUMAAT	WEBEX TEAMS

September 2021

BIL	NAMA KURSUS	TARIKH	PLATFORM
1.	KURSUS ENGLISH FOR VIRTUAL EVENT HOSTING	10 SEPTEMBER 2021 JUMAAT	MICROSOFT TEAMS
2.	KURSUS MANDARIN UNTUK KOMUNIKASI	13 SEPTEMBER 2021 ISNIN	WEBEX MEETING
3.	KURSUS PENGGUNAAN DASHBOARD DATA SISTEM UNTUK PEGAWAI TADBIR	14 – 15 SEPTEMBER 2021 SELASA – RABU	MICROSOFT TEAMS
4.	KURSUS PODIUM PRESENCE : HOW TO SPEAK ON THE BIG STAGE	17 SEPTEMBER 2021 JUMAAT	WEBEX MEETING
5.	KURSUS ONE SPIRIT ONE VOICE ONE TEAM – PEJABAT BENDAHARI	19 – 21 SEPTEMBER 2021 AHAD – SELASA	WEBEX TEAMS
6.	KURSUS ASAS PEMBANGUNAN DASHBOARD MENGGUNAKAN MICROSOFT EXCEL	20 SEPTEMBER 2021 ISNIN	MICROSOFT TEAMS
7.	KURSUS PENGURUSAN TENAGA PENGGUNAAN SISTEM METER PINTAR DI RUMAH SECARA EFISEN	22 – 23 SEPTEMBER 2021 RABU – KHAMIS	WEBEX MEETING
8.	KURSUS COMMON ERRORS IN ENGLISH LANGUAGE	24 SEPTEMBER 2021 JUMAAT	WEBEX MEETING
9.	KURSUS ENGLISH FOR TELEPHONING SKILLS	30 SEPTEMBER 2021 KHAMIS	WEBEX MEETING



Enam Hak SEORANG MUSLIM KE ATAS MUSLIM YANG LAIN

Disediakan oleh: Khusairi bin Ramli



Islam adalah agama rahmat yang amat menitikberatkan hubungan persaudaraan dan kasih sayang sesama umatnya. Selain wajib menunaikan hak-hak RabNya, seorang Muslim juga wajib menjaga hak-hak sesama saudara seagamanya. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, bahawa Nabi Sallallahualaihiwasallam bersabda:

Hak seorang Muslim terhadap sesama Muslim itu ada enam, iaitu apabila engkau berjumpa dengannya ucapkanlah salam, apabila dia mengundangmu maka penuhilah, apabila dia meminta nasihat kepadamu nasihatilah, apabila dia bersin dan mengucapkan 'Alhamdulillah' maka doakanlah dengan ucapan 'Yarhamukallah' (semoga Allah memberikan rahmat kepadamu), apabila dia sakit ziarahilah, dan apabila dia meninggal dunia iringilah (jenazahnya)

[Riwayat Muslim, no. 2162]



Mengucapkan Salam Apabila Bertemu Dengannya

Mengucapkan salam adalah antara identiti umat Islam dan ia adalah sangat dituntut. Apabila seorang Muslim bertemu dengan saudaranya sama ada yang dikenalnya atau tidak, hendaklah dia mendahuluinya dengan salam kerana hukum mengucapkan salam adalah sunnah mu'akkadah (sunnah yang ditekankan, mendekati wajib), manakala hukum menjawabnya pula adalah wajib. Ini kerana selain lafaz 'Assalamu'alaikum' (maksudnya: "Semoga anda berada dalam keselamatan") itu sendiri merupakan satu doa yang baik kepada saudara kita, ia juga merupakan penyebab tumbuhnya rasa cinta dan kebersamaan di kalangan kaum Muslimin. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, bahawa Nabi Sallallahualaihiwasallam bersabda:

"Kamu tidak akan masuk syurga sehinggalah kamu beriman, dan iman kamu tidak akan sempurna sehinggalah kamu sayang-menyayangi dan mahukah aku tunjukkan kepada kamu akan sesuatu yang mana apabila kamu melakukannya nescaya kamu akan saling sayang-menyayangi? Sebarkanlah salam di antara kamu."

[Riwayat Muslim, no. 2162]

Daripada hadith ini jelaslah bahawa ucapan salam itu adalah bukti bahawa Islam adalah agama yang mementingkan kedamaian dan keamanan serta persaudaraan sesama penganutnya.



Memenuhi Undangannya

Hak yang perlu ditunaikan sesama Muslim juga adalah memenuhi undangan sekiranya telah dijemput. Niat baik dan penghormatan yang dimanifestasikan oleh saudara yang menjemput hendaklah dipenuhi melainkan ada keuzuran dan hal yang tidak dapat dielakkan. Ini akan mengundang rasa kasih sayang dan rasa tersanjung oleh yang menjemput. Walau bagaimanapun, haruslah diingat jika diketahui undangan tersebut mengandungi unsur-unsur syirik dan maksiat, maka gugurlah kewajipan untuk memenuhi undangannya bahkan haram pula menghadirinya, melainkan untuk menasihatnya (sekiranya mampu) bagi mengentikan acara maksiat tersebut.



Memberinya Nasihat Apabila Diminta

Apabila seorang Muslim meminta nasihat dan meminta pendapat yang baik dalam suatu perkara, maka kita hendaklah bersungguh-sungguh menasihatnya demi kebaikan. Malah sebahagian ulama berpendapat bahawa nasihat untuk seorang Muslim mestilah merupakan nasihat untuk beribadah kepada Allah, memerintahkan yang makruf atau berbuat baik dan melarang perbuatan mungkar. Memang lumrah kita sebagai manusia terkadang alpa dalam kemaksiatan dan dosa, oleh itu sebagai seorang Muslim yang mencintai saudaranya hendaklah kita memberikan nasihat dengan cara yang baik, jujur dan ikhlas serta tidak mengaibkan atau mengguris perasaannya. Nasihatkanlah agar dia kembali ke jalan yang benar. Namun apa yang lebih baik, kita hendaklah sentiasa memberikan nasihat dan teguran yang berhemah walaupun tidak dipinta.



Menziarahinya Ketika Dia Sakit

Apabila seorang Muslim itu sakit hendaklah kita datang menziarahinya lebih-lebih lagi sekiranya dia adalah saudara terdekat atau sahabat kita sendiri. Ketika menziarahinya, pastikan kita ingat adab-adab yang perlu diamalkan agar kehadiran kita tidak menambahkan beban dan kesusahan kepada pesakit. Doakanlah kesembuhan baginya serta berilah motivasi kepadanya agar bersabar dengan ujian Allah Taala. Antara adab menziarahi pesakit juga adalah tidak duduk terlalu lama melainkan kehadiran kita disenanginya dan menenteramkan hatinya. Apabila amalan ini dipraktikkan, sudah pasti individu yang sakit itu akan merasakan dirinya diingati dan dihargai. Ini pastinya akan membawa ketenangan jiwa si pesakit dan Insya-Allah akan membawa kesembuhan daripada penyakitnya.



Mendoakannya Ketika Dia Bersin

Jika seorang Muslim bersin dan memuji Allah dengan mengucapkan 'Alhamdulillah', maka kita hendaklah mengucapkan 'Yarhamukallah' (bagi lelaki) atau 'Yarhamukillah' (bagi perempuan) sebagai rasa syukur kepadaNya yang memuji Allah ketika bersin. Perbuatan mendoakan ini dikenali sebagai 'tasymit'. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, bahawa Nabi Sallallahualaihiwasallam bersabda:

"Jika salah seorang daripada kamu bersin, hendaklah ia mengucapkan 'Alhamdulillah' (Segala puji bagi Allah) dan saudaranya atau orang yang bersamanya mengatakan kepadanya 'Yarhamukallah' (Semoga Allah merahmatimu). Jika salah seorang mengucapkan 'Yarhamukallah', maka orang yang bersin tersebut hendaklah menjawab 'Yahdikumullahu wa yuslihu balakum' (Semoga Allah memberikanmu hidayah dan memperbaiki keadaanmu)."

[Riwayat al-Bukhari, no. 6224]

Sekiranya orang yang bersin itu tidak mengucapkan hamdalah ('Alhamdulillah'), maka kita dilarang untuk mendoakannya. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, bahawa Nabi Sallallahualaihiwasallam bersabda:

"Apabila salah seorang di antara kamu bersin dan memuji Allah (mengucapkan 'Alhamdulillah'), maka doakanlah dia (dengan mengucapkan 'Yarhamukallah'). Dan apabila dia tidak memuji Allah, maka janganlah kamu mendoakannya."

[Riwayat Muslim, no. 2992]

Ibn Daqiq al-'Id (m. 702 H) rahimahullah menyebut daripada sebahagian ulama Syafi'iyah menyatakan diulangi tasymit apabila seseorang itu bersin berulang kali, melainkan jika diketahui bahawa dia sedang menghidap selsema, maka doakan (dengan ucapan 'Afakallah' bagi lelaki atau 'Afakillah' bagi perempuan yang bermaksud "Semoga Allah menyembuhkanmu") dia dengan kesembuhan daripada penyakit itu. Dengan ini dapat difahami bahawa gugurlah kewajipan untuk mengucapkan tasymit sekiranya kita mengetahui seseorang itu bersin disebabkan selsema.

[Riwayat Muslim, no. 2992]



Mengiringi Jenazahnya

Mengiringi jenazah itu mengandungi doa, permohonan ampun serta akan menyenangkan ahli keluarganya malah merupakan penghormatan terakhir bagi orang yang meninggal. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, bahawa Nabi Sallallahualaihiwasallam bersabda:

"Sesiapa yang bersama-sama jenazah sehingga selesai disolatkan dia mendapat satu qirath dan sesiapa yang bersama-samanya sehingga selesai dikebumikan dia mendapat dua qirath." Lalu Baginda ditanya: "Apakah dua qirath itu?" Baginda menjawab: "Ganjarannya umpama dua buah gunung yang besar."

[Riwayat al-Bukhari, no. 1261]

Lafaz "ada enam" dalam hadith riwayat Imam Muslim rahimahullah tidaklah menafikan "lima hak" yang disebut dalam hadith sahih lain. Dalam hadith ini terhimpun sebahagian besar hak-hak seorang Muslim yang perlu diberi perhatian dan ditunaikan oleh Muslim yang lain. Sungguhpun demikian, ia tidaklah terbatas kepada enam perkara ini sahaja kerana masih ada lagi hak-hak sesama Muslim yang disebut dalam hadith-hadith lain.

Paling tidak, hak-hak tersebut termasuk dalam keumuman hadith mengasihi saudara selam seperti mengasihi diri kita sendiri. Daripada Anas bin Malik Radiallahuanhu, bahawa Nabi Sallallahualaihiwasallam bersabda:

"Tidak beriman (sempurna iman) seseorang itu sehingga dia kasih kepada saudaranya sebagaimana dia kasih kepada dirinya."

[Riwayat al-Bukhari, no. 13]

Wallahu a'lam.

Tahniah

Kelahiran cahayamata....



Muhamad Aidil Zikri bin
Mohamad Syafiq

Tarikh lahir: 3 Jun 2021

Nama ibu:
Nurayuni binti Mahabib



Danish Aqeef bin
Anuarrudin

Tarikh lahir: 20 Jun 2021

Nama bapa:
Anuarrudin bin Md Soom